

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG  
KETIGA BELAS, PENGGAL KETIGA, MESYUARAT KETIGA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MOHAMED HANIPA MAIDIN  
[ SEPANG ]**

**TARIKH : 2 DISEMBER 2015**

**SOALAN :**

**TUAN MOHAMED HANIPA MAIDIN [ SEPANG ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) adakah Kerajaan mengambil tindakan kepada mana-mana pihak dalam Felda Global Ventures Holding Bhd. (FGV) atas tindakan FGV mengambil 37% pegangan dalam PT Eagle High Plantations Tbk (EHP) pada harga US\$680 juta tanpa mempunyai kuasa mengawal majoriti di EHP yang juga dikritik oleh pemegang saham di FGV iaitu KWSP; dan
- (b) mengapakah FGV diminta membayar kepada PT Rajawali Capital International deposit yang amat tinggi iaitu US\$174.5 juta (RM653.6 juta) iaitu hampir 23 peratus sebaik sahaja selepas perjanjian jual beli bersyarat bertukar ke perjanjian muktamad.

**JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,**

**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai sebuah syarikat senaraian awam, pengurusan FGV berhak untuk merancang hala tuju perniagaan mereka.

Pada 30 November 2015, Ahli Lembaga Pengarah telah mengambil keputusan untuk mengadakan perbincangan semula dengan PT Rajawali Corporation untuk mencari kemungkinan cara pelaburan berbeza dalam Eagle High Plantations. Pengumuman juga telah dibuat melalui Bursa Malaysia dan kenyataan akhbar pada hari yang sama.

Keadaan pasaran ketika ini dan perkembangan dalam sektor minyak sawit telah menyebabkan perlunya semakan semula cara pelaburan sedia ada secara bersama dalam usaha memaksimumkan faedah kepada semua pihak yang terlibat.

Pada 1 Disember 2015, FGV telah membuat pengumuman di Bursa Malaysia bahawa Lembaga Pengarahnya membayangkan bahawa cara pelaburan baharu dalam Eagle High tersebut akan dibuat sebelum penghujung 2016.

FGV komited untuk menerokai semua peluang pelaburan yang ada dan akan meneruskan pelan transformasi lima (5) tahun yang ketika ini telah

mula menampakkan hasil. FGV juga kekal yakin bahawa sebarang potensi kerjasama akan memberi nilai tambah kepada syarikat, peneroka, pelabur dan komuniti. Sebagai syarikat yang bertanggungjawab, FGV turut memastikan untuk mematuhi standard kewangan, peraturan dan komitmen sosial.

Sekian. Terima kasih.